

BAB 4

RUMUSAN DAN CADANGAN

4.0 PENGENALAN

Tujuan kajian untuk melihat penguasaan pelajar-pelajar dalam morfologi. Bab 3 telah diperlihatkan data-data yang diperoleh daripada dua bentuk penyoalan iaitu soalan latihan ujian dan soalan soal selidik. Data-data daripada bab 3 dianalisis untuk melihat pencapaian pelajar dalam menguasai morfologi. Perbincangan dalam bab ini menumpukan kepada aspek pemerolehan markah pelajar dalam setiap bahagian A, B, C, D dan E untuk soalan latihan ujian, di samping itu mengemukakan faktor-faktor penyebab kesilapan berlaku. Hubungkait juga dilakukan antara dapatan data daripada soalan soal selidik - dengan soalan latihan ujian bagi mengukur penguasaan morfologi.

Berdasarkan kepada Jadual 8 (rujuk ms 61), penyebaran markah bagi seluruh ujian memperlihatkan bahawa keseluruhan pelajar telah lulus menjawab soalan yang berkaitan dengan morfologi. Kualiti min markah ialah 36.18 dan ia memuaskan walaupun tidak mencapai kualiti yang memberangsangkan 100 %. Bagi menjelaskan lagi penguasaan morfologi perbincangan dilakukan berdasarkan analisis kesilapan terhadap bahagian-bahagian :

4.1 KERAKAPAN KESILAPAN BAHAGIAN MORFEM

Jadual 9 (rujuk ms 61), memperlihatkan dengan tepat skor kesilapan markah Morfem di kalangan pelajar. 50 sampel yang dianalisis, 22 orang gagal menjawab dengan baik (44 %) berbanding dengan 28 orang (56 %) dapat menjawab dengan baik. Walaupun kedudukan sedemikian, keseluruhan pelajar masih lulus dalam bahagian ini kerana min yang diperoleh ialah 8.22 berbanding dengan 13.00 sepertinya. Ringkasan jumlah kesilapan Morfem dalam Jadual 15 dan 16 (rujuk ms 68 & 69) memperlihatkan jumlah sebenar kesilapan Morfem terikat dan Morfem bebas.

Terdapat dua sebab kenapa pelajar melakukan kesilapan yang pengkaji dapat simpulkan iaitu :

- a) Pelajar gagal memahami dengan jelas perbezaan antara morfem bebas dengan morfem terikat, pengkaji telah mengemukakan contoh sebelum soalan dijawab oleh pelajar dalam latihan ujian. Walaupun demikian pelajar masih melakukan kesilapan dengan menulis semula kata dasar semasa memberi jawapan untuk morfem terikat contohnya menulis

kajian	untuk	an
mengikuti	untuk	meng---i
berpengkhususan	untuk	ber--- an
pengajian	untuk	peng---an
terdiri	untuk	ter---

Berdasarkan contoh di atas, pelajar memahami morfem terikat sama dengan morfem bebas dengan ini kesilapan akan berlaku semasa mengemukakan jawapan morfem terikat.

b) Pelajar tidak menyedari bahawa morfem terikat tergolong kepada empat jenis, sebagaimana yang dikemukakan oleh Arbak Othmán (1986 : 90). Menurut beliau jenis-jenis morfem terikat ialah :

- a) awalan
- b) sisipan
- c) akhiran
- d) morfem terikat terbahagi

Jenis morfem a, b, dan c, pelajar boleh memahami, kecuali d iaitu morfem terikat terbahagi. Ini terbukti dalam jawapan pelajar yang banyak mengemukakan jawapan seperti contoh di bawah :

" mengikuti "

Ramai pelajar menjawab "meng"..... sahaja dengan meninggalkan imbuhan " i ". Jawapan di atas yang dikemukakan oleh pelajar akan mengalami kesilapan.

Jawapan morfem bebas memuaskan berbanding dengan jawapan morfem terikat. Lapan soalan telah dikemukakan kepada calon dan jumlah kesilapan morfem bebas dapat dirujuk dalam Jadual 16 (rujuk m/s 69). Kesilapan yang paling tinggi sekali dilakukan ialah perkataan dalam jadual bawah. Kebanyakannya pelajar-pelajar lelaki dan perempuan mengemukakan jawapan untuk morfem bebas seperti Jadual 25 di bawah :

Jadual 25. Jawapan Morfem bebas pelajar.

Perkataan	Morfem bebas
terdiri pengajian mengikuti kajian	terdiri pengajian mengikuti kajian

Jawapan yang dikemukakan seperti di atas akan mengalami kesilapan. Faktor penyebab daripada penelitian berpuncanya datipada pelajar tidak dapat membezakan morfem bebas dan kata dasar. Jawapan sepatutnya pelajar mesti mengemukakan kata dasar untuk setiap perkataan, contohnya :

PERKATAAN	MORFEM BEBAS
terdiri	diti
pengajian	kaji
mengikuti	ikut
kajian	kaji

Punca lain yang menyebabkan kesilapan berlaku ialah pelajar gagal menjawab soalan yang dikemukakan contohnya daripada 8 soalan yang disoal, lebih 25 orang sampai gagal menjawab dengan penuh. Purata jawapan yang diterima ialah 3 soalan. Keadaan ini pada penelitian pengkaji berpunca daripada kelemahan pelajar sendiri untuk mengingatinya walaupun contoh-contoh telah diberi sebelum soalan dijawab.

4.2 KEKERAPAN KESILAPAN KATA

Penyebaran markah kelas kata boleh dirujuk dalam Jadual 10 (rujuk ms 62). Rata-rata pelajar dapat menjawab 10 soalan yang dikemukakan. Ringkasannya jumlah kesilapan kelas kata boleh dirujuk dalam Jadual 17 (rujuk ms 71). Kelas kata yang terlibat dalam kajian ini ialah (rujuk Jadual 26 di bawah).

JADUAL 26. KELAS KATA TERLIBAT DALAM PENYOALAN

KELAS KATA	CONTOH JAWAPAN
kata kerja	makan, berhibur
kata ganti nama	siapa
kata nama	Ali
kata sifat	gemuk, merah
kata partikel	Amboi
kata bilangan	Ramai
kata depan	di pusat
kata pemerl	ialah

Punca kesilapan berlaku melalui penelitian pengkaji ialah berpunca daripada pelajar tidak memahami dengan mendalam kelas-kelas kata contohnya dapat dilihat seperti Jadual 27 di bawah :

JADUAL 27. KESILAPAN PELAJAR DALAM KELAS KATA

PERKATAAN	JAWAPAN BETUL	JAWAPAN PELAJAR
Amboi	kata partikel	kata pemerl kata depan kata nama
di pusat	kata depan	kata partikel kata pemerl
ialah	kata pemerl	kata partikel
berhibur	kata kerja	kata partikel
gemuk	kata sifat	kata kerja
ramai	kata bilangan	kata ganti nama
siapa	kata ganti nama	kata depan kata nama

Berdasarkan kepada jadual di atas jelas memperlihatkan kesilapan pelajar menjawab kelas kata. 10 perkataan disediakan untuk dijawab oleh pelajar dan

keputusan daripada 10 perkataan itu ada 3 perkataan dapat dijawab dengan betul oleh semua pelajar iaitu :

- a) Ali kata nama
- b) makan kata kerja
- c) ramai kata bilangan

Ini membuktikan bahawa pelajar dapat menguasai dengan baik ketiga-tiga imbuhan di atas berbanding dengan kesilapan dalam Jadual 27. Analisis dilakukan menunjukkan masih ramai lagi pelajar gagal menjawab soalan dengan betul. Punca-punca dikenali pasti yang menyebabkan berlaku kesilapan di atas ialah :

- a) Pelajar-pelajar belum menguasai golongan kata dengan begitu baik. Kekeliruan berlaku yang boleh menyebabkan kesilapan semasa menjawab.

Ini terbukti dengan 101 kesilapan yang berlaku sedangkan perkataan yang disediakan mudah. Pelajar mengalami kekeliruan untuk membezakan antara :

- i) Kata partikel dengan kata pemeri, kata depan dan kata nama.

contohnya: Amboi - Ramai pelajar
keliru perkataan amboi
itu dianggap sebagai
kata pemerl, kata depan
dan kata nama.

ii) Kata depan dengan kata partikel dan kata pemerl.

contohnya: di pusat - pelajar
menjawab "di" itu
sebagai kata partikel
dan kata pemerl.

iii) Kata pemerl dengan kata partikel.

contohnya : ialah - pelajar anggap
sebagai kata partikel.

iv) Kata kerja dengan kata partikel.

contohnya: berhibur - pelajar
anggap sebagai kata
partikel.

v) Kata sifat dengan kata kerja

contohnya : gemuk - pelajar anggap
kata kerja.


contohnya : ramai - pelajar anggap
kata ganti nama.

vii) Kata ganti nama dengan kata depan dan
kata nama

contohnya : siapa - pelajar anggap
sebagai kata depan dan
kata nama.

Hubungan kesilapan pelajar seperti di atas
dapat diringkaskan seperti rajah di bawah :

RAJAH 3. KEKELIRUAN PELAJAR DALAM KELAS KATA



- | | | |
|-----|---|-----------------|
| KK | - | Kata Kerja |
| KGN | - | Kata Ganti Nama |
| KN | - | Kata Nama |
| KS | - | Kata Sifat |
| KP | - | Kata Partikel |
| KB | - | Kata Bilangan |
| KD | - | Kata Depan |
| KPM | - | Kata Pemeri |

Rajah ini memperlihatkan perhubungan kekeliruan pelajar dalam kelas kata. Penelitian dilakukan, tiada kekeliruan berlaku antara kata selain daripada yang tersenarai di atas :

- B) Punca kedua dikenalpasti ialah pelajar tidak menerima semua isi pelajaran yang didedahkan oleh tenaga pengajar kepada mereka. Bukti punca ini dapat diperhatikan dalam sukatan pelajaran dalam bab 2 yang jelas memperlihatkan bahawa aspek morfologi telah didedahkan dengan begitu meluas sekali. Walaupun telah didedah dengan meluas, pelajar masih lagi gagal menjawab soalan yang dikemukakan dengan tepat, contohnya daripada 50 orang pelajar yang diteliti jawapannya, hanya 8 orang (16 %) berjaya menjawab dengan betul berbanding dengan 42 orang (84 %) melakukan kesilapan.

4.3 KEKERAPAN KESILAPAN IMBUHAN

Imbuhan merupakan soalan yang paling mudah dikemukakan kepada pelajar. Sebaran markah boleh dirujuk kepada Jadual 11 (rujuk ms 63). Ringkasan jumlah kesilapan dalam Jadual 18 (rujuk ms 72) pula memperlihatkan terdapat 34 kali kesilapan berlaku dan

imbuhan yang paling tinggi sekali pelajar lakukan kesilapan ialah Imbuhan Sisipan (23 kali) berbanding dengan Imbuhan Kurungan (9 kali) dan Imbuhan Akhiran (2 kali), manakala " imbuhan awalan " pelajar-pelajar tidak melakukan kesilapan. Penguasaan pelajar-pelajar dalam soalan imbuhan amat membanggakan, yang mana daripada 50 orang sampel hanya 2 orang pelajar melakukan kesilapan sebanyak 6 kali, seorang 5 kali dan selebihnya hanya sekali atau 2 kali. (17 pelajar).

punca-punca berlaku kesilapan melalui analisis-analisis data dapat dilihat seperti di bawah :

a) Pelajar-pelajar tidak dapat menguasai dengan mendalam imbuhan sisipan. Berdasarkan kepada jawapan-jawapan sampel, kesilapan yang paling kerap berlaku ialah imbuhan sisipan. Soalan yang berkaitan dengan imbuhan sisipan dikemukakan sebanyak 3 kali iaitu berdasarkan perkataan :

- i) telapak
- ii) kemuncup
- iii) seruling

Tiga perkataan di atas imbuhan sisipan yang terlibat ialah "el", "em" dan "er". Kesilapan yang berlaku boleh dirujuk kepada Jadual 28.

JADUAL 28. KESILAPAN PELAJAR DALAM IMBUHAN SISIPAN

PERKATAAN	JAWAPAN SEBENAR	JAWAPAN SAMPEL
telapak	imbuhan sisipan	imbuhan kurungan dan tidak menjawab
Seruling	imbuhan sisipan	imbuhan akhiran, imbuhan awalan, imbuhan kurungan dan tidak menjawab.
kemuncup	imbuhan sisipan	imbuhan awalan dan tidak menjawab.

Jadual 28 di atas, imbuhan sisipan untuk perkataan "telapak", ramai calon menjawab sebagai imbuhan kurungan dan terdapat empat pelajar tidak memberi sebarang jawapan. Perkataan "seruling", pelajar memberi jawapan imbuhan awalan, imbuhan akhiran, imbuhan kurungan dan tidak mengemukakan jawapan. Akhir sekali perkataan "kemuncup", jawapan yang diberi ialah imbuhan awalan dan tidak mengemukakan sebarang jawapan. Berdasarkan kepada jawapan sampel di atas, 2 andaian dapat dikemukakan oleh pengkaji yang menjadi punca kesilapan iaitu :

- i) Pelajar terkeliru antara perkataan "seruling" dan "kemuncup". Tanggapan pelajar perkataan seruling dan kemuncup merupakan imbuhan awalan. Imbuhan awalan terlibat di sini ialah imbuhan "se....." dan imbuhan "ke.....". Kekeliruan ini akhirnya memberi kesilapan kepada jawapan pelajar. Pelajar tidak memahami perkataan "seruling" dan "kemuncup" tidak menjadi imbuhan awalan kerana 2 perkataan tersebut tidak mempunyai kata dasar atau kata akar untuk menjadi kata nama.
- ii) Pelajar memang tidak tahu apakah "imbuhan sisipan". Kenyataan ini dibuktikan dengan jawapan pelajar terhadap perkataan "telapak" dan "seruling". Jawapan yang dikemukakan ialah "imbuhan kurungan" sedangkan "imbuhan kurungan" memerlukan imbuhan awalan dan akhiran pada perkataan dasar, contohnya "permainan", imbuhan per.....an diperlukan untuk kata dasar "main". Bukti kedua ialah sebilangan besar pelajar tidak memberi jawapan untuk soalan imbuhan sisipan.

Contohnya :

telapak :.....

kemuncup :.....

seruling :.....

Imbuhan-imbuhan lain pelajar membuat kesilapan ialah :

Perkataan	Jawapan Pelajar imbuhan	Jawapan Betul imbuhan
Permainan	sisipan	kurungan
kementerian	sisipan	kurungan
ketuhanan	sisipan	kurungan

Berdasarkan kepada contoh-contoh di atas jelas memperlihatkan kekeliruan berlaku kepada pelajar antara imbuhan sisipan dan imbuhan kurungan.

4.4

KEKERAPAN KESILAPAN KATA GANDAAN

Kajian penggunaan kata gandaan bertujuan untuk melihat bagaimana pelajar menggunakan kata gandaan yang diberi untuk melengkapkan sintaksis. Selain daripada meneliti penggunaan dalam ayat, kesahihan ayat terutama strukturnya juga akan diteliti. Kata ganda yang terlibat dalam bahagian ini ialah :

- a) anak-anak
- b) batu-batan
- c) hutang-piutang
- d) gila-gila
- e) tidur-tidur
- f) hempas-pulas

Sebaran markah dalam bahagian ini dapat diperhatikan dalam Jadual 12 (rujuk ms 64). Secara keseluruhan pelajar dapat menjawab dan menggunakan kata gandaan dalam ayat dengan betul. Jadual 19 (rujuk ms 73) pula memperlihatkan jumlah kesilapan pelajar menggunakan kata gandaan. Analisis data mendapati bahawa hanya berlaku 7 kesilapan dengan pecahan.

- a) 3 soalan untuk anak-anak
- b) 3 soalan untuk batu-batan
- c) 1 soalan untuk tidur-tidur

Kata gandaan lain seperti "hutang-piutang", "gila-gila" dan "hempas-pulas" pelajar tidak melakukan sebarang kesilapan. Kesilapan sebenar yang dilakukan oleh pelajar hanyalah tertumpu kepada kata gandaan "anak-anak" dan "tidur-tidur" dan selebihnya kesilapan berlaku kerana pelajar membuat ringkasan perkataan dalam ayat sedangkan konteks ayat mengikut semantiknya betul. Contoh-contoh kesilapan sebenar pelajar ialah :

- 1) anak-anak : Aminah suka dengan anak-anak yang dibelikan oleh ayahnya.
- 2) tidur-tidur: Anak Encik Halim tidur-tidur semuanya.

Berdasarkan kepada contoh 1 di atas ayat itu salah dari segi semantiknya kerana pergandaan anak-anak disalahgunakan. Ayat itu menjadi terlalu umum dan pembaca akan tertanya-tanya anak-anak apakah yang dimainkan oleh Aminah. Ayat di atas sepatutnya berbunyi :

Aminah suka bermain dengan anak-anak patung yang dibelikan oleh ayahnya.

Perkataan "anak-anak patung" lebih sesuai dan bertepatan digunakan bagi diseimbangkan dengan Aminah yang suka bermain.

Contoh ayat kedua puluh salah dari segi semantiknya kerana pergandaan "tidur-tidur" tidak sesuai digunakan dalam konteks ayat di atas. Ayat ini menggambarkan bahawa anak Encik Halim tidur semuanya. Pergandaan sesuai dalam ayat di atas akan menjadi tepat penggunaannya sekiranya pelajar menambah perkataan "ayam" seperti contoh ayat di bawah :

Anak Encik Halim tidur-tidur ayam semuanya.

Contoh ayat di atas lebih tepat dari segi konteks ayat dan juga semantiknya. Ayat itu menggambarkan bahawa anak Encik Halim pura-pura tidur atau tidur tidak nyenyak.

Selain daripada 2 contoh ayat di atas, kesilapan pelajar hanyalah berlaku kepada tatabahasa iaitu meringkaskan perkara yang tidak patut diringkaskan dalam ayat. Dari segi semantik ayat-ayat yang dikemukakan tepat dan bersesuaian dengan pergandaan yang digunakan. Contoh kesilapan pelajar ialah :

- a) meringkaskan "yang" menjadi "yg".
- b) imbuhan "di" didekatkan untuk perkataan tidak kata kerja.

Contoh ayat :

- 1) Ali mempunyai hutang-piutang yg amat banyak kerana dia selalu boros.
- 2) Panas dan hujan yg silih berganti akan menyebabkan batu-batan terhakis.

3) Anak-anak Pak Said berjaya di dalam semua peperiksaan yg diduduki.

4) Batu-batan yg menimbun didepan rumah saya sungguh menyesakkan pandangan.

Keseluruhan contoh-contoh ayat di atas mempunyai semantik yang betul dan tepat penggunaan kata gandaan tetapi ayat tersebut telah menjadi salah kerana meringkaskan perkara yang tidak sepatutnya diringkaskan. Ayat tersebut akan menjadi betul sekiranya yg ditulis dengan yang.

Kesilapan dalam imbuhan pula dapat dirujuk kepada contoh-contoh di bawah :

a) Dia duduk dikerusi sambil membaca surat khabar sementara menunggu anak-anaknya untuk makan bersama.

b) Batu-batan yang menimbun didepan rumah saya sungguh menyesakkan pandangan.

Ayat di atas memenuhi kriteria ketepatan penggunaan kata gandaan tetapi ia menjadi salah ketara imbuhan bukan kata kerja dirapatkan. Ayat tersebut menjadi betul sekiranya imbuhan 'di' direnggangkan seperti "di depan" dan di kerusi.

Dapatkan daripada perbincangan dan analisis data juga menunjukkan punca-punca kesilapan berlaku ialah :

- a) Pelajar telah terpengaruh dengan bahasa ibunda dan dialek bahasa pertuturan harian. Keadaan ini bersesuaian dengan sampel yang melakukan kesilapan terdiri daripada pelajar negeri Kelantan.

Kesilapan ini bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh Politze dan Rumirez (1973), Alias (1969) dan Chen (1977) yang dipetik(dalam Dewan Bahasa 1983 :698-717) mengatakan bahawa kebanyakannya kesilapan bahasa berlaku akibat daripada :

"gangguan bahasa ibunda atau dialek bahasa pertuturan harian, bahasa lisan dan bahasa pasar. Gangguan ini timbul kerana tiadanya bentuk atau struktur yang serupa dalam bahasa pertama dengan bahasa yang dipelajari. Ini mengakibatkan analogi atau generalisasi yang salah."

(Dewan Bahasa Oktobet 1983: 699)

Dalam konteks ayat contoh 1 dan 2, penutur Kelantan memahami apa yang dimaksudkan oleh pelajar tersebut iaitu contoh ayat 1, kunci ayat ialah "suka bermain anak-anak" sudah memberi gambaran bahawa :

- 1) Aminah itu kanak-kanak.
- 2) Anak-anak itu ialah anak-anak patung.

Manakala ayat 2 pula memberi maksud bahawa anak-anak Encik Halim suka tidur semuanya. Gangguan bahasa dialek telah menyebabkan pelajar melakukan kesilapan dengan kriteria bahasa standard walaupun ia mempunyai semantik yang betul dalam konteks bahasa dialek.

b) Kesilapan pelajar berpunca daripada menggunakan, pemendekan perkataan.

Faktor ini bersesuaian dengan kajian Wyatt dan Chen yang dipetik dalam (Dewan Bahasa Oktober 1983 : 700). Azman Wan Chik telah menyenaraikan 9 punca kesilapan iaitu ejaan, tanda bacaan , struktur ayat, kesalahan tatabahasa, pengulangan, kecuaiian ujaran-ujaran yang kaku dan tidak bermakna, kekeliruan atau salah guna perkataan dan simpulan bahasa, bahasa ringkas, pemendekan perkataan, ayat tergantung dan bahasa yang tidak standard.

Kesilapan pelajar dalam konteks ini berlaku pada bahagian bahasa ringkas dan pemendekan perkataan. Pemendekan yang dilakukan oleh pelajar ialah "ya" untuk "yang" dan paling nyata punca kesilapan ini berlaku secara "tumpang tindih" antara satu sama lain seperti "kesalahan tatabahasa" dan "kecuaiian". Ini ketara dalam kesilapan pelajar pada imbuhan "di". Kesilapan pelajar berlaku pada perkataan "dikerusi" sebenarnya berpunca datipada kecuaiian pelajar dan akhirnya menyebabkan kesilapan tatabahasa.

4.5 KEKERAPAN KESILAPAN AKRONIM

Akronim merupakan soalan yang agak mencabar pelajar-pelajar. Pelajar diminta untuk membina 5 akronim secara persendirian tanpa merujuk kepada sebarang bahan rujukan. Penyebaran markah pelajar dapat dilihat dalam Jadual 13 (rujuk ms 66). Keseluruhan pelajar iaitu 92 % dapat menjawab dengan baik tanpa melakukan sebarang kesilapan berbanding dengan 8 % pelajar melakukan kesilapan. Jadual 20 (rujuk ms 75) pula menunjukkan keseluruhan pelajar melakukan kesilapan ialah 5 kesilapan dan 2 pelajar gagal menjawab atau membina akronim. Kesilapan-kesilapan akronim yang dilakukan ialah :

- a) PERHILITAN
- b) PBB
- c) KADA
- d) PERWAJA
- e) PERNAS

Contoh :

- i) PERHILITAN - perlindungan hidupan liar dan taman negara
- ii) PBB - Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu
- iii) KADA - Rancangan Pertanian Kemubu
(Lembaga Pengairan Kemubu)

iv) PERWAJA

v) PERNAS - Perbadanan Nasional Berhad

PERHILITAN - Sebenarnya apa yang dikemukakan oleh pelajar hampir tepat, tetapi kerana kajian ini hendak memperlihatkan penguasaan akronim jawapan pelajar dalam contoh 1 diangap salah dan jawapan yang sepatutnya ialah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara. PBB - sepatutnya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bukannya Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu. Kekeliruan telah berlaku kepada pelajar antara "pertubuhan" dan "persatuan". KADA - kesilapan berlaku antara "Rancangan" dan "Lembaga". Jawapan sebenarnya untuk KADA ialah Lembaga Pengairan Kemubu. PERWAJA - Pelajar tidak memberi sebarang jawapan dengan apa yang ditulis. Ini menunjukkan pelajar tidak menjawab atau memahami akronim PERWAJA. Jawapan sepatutnya ialah Perusahaan Besi Waja dan akhir sekali kesilapan yang paling ketara berlaku kepada jawapan pelajar ialah PERNAS. Pelajar telah mengemukakan PERNAS ialah Lembaga Padi Dan Beras Negara. Jawapan pelajar ini terkeliru dengan LPN sedangkan jawapan sebenar ialah Perbadanan Nasional.

Punca kesilapan melalui analisis data bahagian ini ialah salah cara memperoses (menginterpretasi) dan mengingati isi pelajaran. Ini terbukti dengan kekeliruan yang timbul antara "persatuan" dan "pertubuhan", "Rancangan" dan "Lembaga" dan yang paling nyata sekali ialah pelajar telah lupa mengingati apa yang ditulis contohnya "PERWAJA". Pelajar tahu menulisnya tetapi gagal mengingati maksud sepenuhnya sedangkan pelajar telah didekahkan dengan akronim semasa dalam pelajaran Bahasa Melayu.

4.6 HUBUNGKAIT ANTARA SOALAN LATIHAN UJIAN DENGAN SOALAN SELIDIK DALAM MENENTUKAN PENGUASAAN MORFOLOGI

Bagi mengukuhkan lagi kajian penguasaan morfologi di kalangan pelajar Pra-AIUM, pengkaji telah mengemukakan soalan soal selidik yang mengandungi 15 soalan dengan pecahan :

- a) 7 soalan berkaitan dengan morfologi
- b) 5 soalan berkaitan dengan usaha peningkatan Bahasa Melayu dikalangan pelajar.
- c) 1 soalan pendapat
- d) 2 soalan berkaitan dengan masalah pelajar dalam mempelajari Bahasa Melayu.

Soalan (a) iaitu 7 soalan berkaitan dengan morfologi boleh dirujuk Jadual 24 (rujuk ms 82) dalam bab 3. Dapatan daripada analisis soalan pertama walaupun pada dasarnya hanya 14 orang (28 %) memahami aspek-aspek penting linguistik (fonologi, morfologi, sintaksis dan pragmatis) tetapi jawapan keseluruhan sampel (N.50) memberi satu penjelasan bahawa pelajar telah menguasai morfologi.

Hubungkait di sini dapat pengkaji rumuskán bahawa walaupun pelajar-pelajar kurang memahami aspek-aspek penting linguistik tetapi apabila dikemukakan soalan morfologi (salah satu aspek linguistik) pelajar dapat menguasainya. Soalan 2 dikemukakan untuk menguji pelajar sama ada memahami atau tidak bahawa pembentukkan kata (morfologi) merupakan salah satu

cabang linguistik. Analisis data memperlihatkan bahawa keseluruhan pelajar dapat menjawab dengan betul dan ini mengesahkan bahawa sebenarnya pelajar memahami bahawa morfologi ialah salah satu cabang linguistik cuma kekeliruan telah berlaku terhadap kerangka Bahasa Melayu atau kurang pasti apakah sebenarnya aspek-aspek penting linguistik. Soalan 3 disoal juga berkaitan dengan morfologi iaitu "pembentukkan kata dikenali juga morfologi". Keseluruhan pelajar memahami dan tidak terkeliru antara "morfologi" dengan "pembentukkan kata". Soalan 4 hingga 7 berkaitan dengan bahagian morfologi iaitu keseluruhan pelajar telah memahami bahawa morfologi terangkum daripada Morfem bebas dan Morfem terikat. Soalan ini kalau dihubungkan dengan soalan ujian memberi gambaran bahawa walaupun pelajar memahami morfologi terbentuk daripada Morfem bebas dan Morfem terikat tetapi pelajar kurang menguasai apa itu sebenarnya Morfem bebas dan Morfem terikat. Ini terbukti dengan jumlah kesilapan yang dilakukan sebanyak 240 kali untuk semua sampel (rujuk lampiran 7). Ditanya pula adakah pelajar keliru dengan membezakan kelas kata, dapatan analisis data memperlihatkan lebih daripada separuh iaitu 38 orang pelajar (76 %) memberi jawapan "ya" keliru berbanding dengan 12 orang (24 %) tidak keliru. Ini bertepatan dengan latihan ujian iaitu kelas kata merupakan bahagian yang kedua tertinggi

pelajar melakukan kesilapan iaitu sebanyak 30 kali. Kesilapan ini sekali lagi memberi gambaran bahawa pelajar tidak begitu mahir menguasai kelas kata.

Soalan imbuhan ditanya secara membuat kenyataan iaitu "imbuhan dalam bahasa Melayu ada 2 jenis". Analisis data memperlihatkan 36 orang (72 %) memahami berbanding dengan 14 orang (28 %) tidak memahami bahawa imbuhan tidak ada 2 jenis. Ini, kalau dihubungkan dengan soalan latihan ujian bertepatanlah dengan kesilapan pelajar hanya sebanyak 34 kali kerana pelajar memahami dan dapat menguasai imbuhan terutama imbuhan awalan, akhiran, kurungan dan sisipan. Kesilapan yang dilakukan tertumpu kepada contoh-contoh imbuhan bukanlah kepada bentuk atau jenis imbuhan. Dengan kata lain pelajar sebenarnya faham bahawa imbuhan dalam bahasa Melayu ada 4 jenis tetapi kurang memahami contoh-contohnya.

Akhir sekali ditanya secara keseluruhan bahagian-bahagian penting morfologi. Keseluruhan pelajar memahami bahawa dalam morfologi terangkum penggandaan, pemajmukan dan akronim. Perkaitan yang dapat dilakukan oleh pengkaji ialah pelajar memahami morfologi dan kesilapan berlaku hanyalah kepada pecahan-pecahan kepada setiap bahagian-bahagian morfologi.

4.7 RUMUSAN FAKTOR-FAKTOR
PENGUASAAN MORFOLOGI DI KALANGAN PELAJAR

KETELEHARAHAN

Melalui analisis data soal selidik dan latihan ujian, Pengkaji dapat membuat rumusan faktor-faktor yang mempengaruhi penquasaan morfologi. Di antara faktor-faktor yang terlibat ialah :

4.7.1 PENGUASAAN MORFOLOGI YANG LEWAH

Pelajar-pelajar belum menguasai morfologi dengan sepenuhnya. Pendedahan dalam sukanan pelajaran di Pra-AIUM kalau ditinjau banyak didedahkan dengan berbagai aspek cabang morfologi. Memang diakui tidak semua cabang morfologi pelajar gagal menjawabnya cuma yang paling ketara dapat penulis rumuskan ialah kesilapan membezakan morfem bebas dan morfem terikat. Pelajar-pelajar sering terkeliru antara morfem bebas dan morfem terikat dan juga pelajar masih lagi terkeliru atau masih lagi belum menyedari bahawa morfem terikat itu sebenarnya mempunyai 4 bahagian utama iaitu :

- i) awalan
- ii) akhiran
- iii) sisipan
- iv) kurungan

4.7.2 **PELAJAR TIDAK MENERIMA SEGALA ISI
PELAJARAN YANG DIDEDEAHKAN KEPADANYA.**

Terdapat 2 cara pendedahan morfologi yang telah dilakukan mengikut pandangan pengkaji iaitu pertamanya pendedahan yang telah dilakukan oleh tenaga pengajar melalui sukan pelajaran dan yang kedua melalui contoh yang telah dikemukakan oleh pengkaji pada kertas soalan latihan ujian. Walaupun pendedahan dikemukakan, pelajar masih lagi gagal mengemukakan jawapan yang tepat. Contoh-contoh kesilapan yang dilakukan terutama kepada imbuhan dan pergolongan kata. Memang diakui pelajar cukup memahami dan menguasai imbuhan awalan dan akhiran tetapi imbuhan yang belum begitu ketara yang dikuasai ialah imbuhan sisipan dan kurungan.

Faktor ini tidaklah menjadi penyebab utama atau punca sebenar kesilapan berlaku. Kesilapan yang berpunca daripada bahasa dialek berlaku kepada bahagian D iaitu bahagian membuat ayat dengan kata gandaan. Rumusan yang dapat dibuat oleh pengkaji ialah pelajar-pelajar daripada negeri Kelantan paling kerap melakukan kesilapan berbanding dengan pelajar-pelajar daripada Sarawak. Pengaruh bahasa dialek Kelantan telah memberi kesan yang besar dalam penulisan berbanding dengan bahasa dialek Melanau Sarawak. Bahasa dialek Melanau ia mempunyai kelainan yang ketara dengan Bahasa Melayu standard. Oleh itu penulisan pelajar Sarawak yang betketurunan Melanau tidak terganggu dengan bahasa pertuturan mereka. Bagi pelajar-pelajar Kelantan, dialek Kelantan walaupun tidak 100 % serupa dengan Bahasa Melayu tetapi pertuturnya mudah difahami oleh penutur bukan Kelantan. Keadaan ini telah membawa kepada berlaku pemindahan dialek Kelantan dalam penulisan. Contohnya ialah :

- a) Aminah suka bermain dengan anak-anak yang dibeli oleh ayahnya
- b) Anak Encik Halim tidur-tidur semuanya

Dalam konteks ayat 1 dan 2 di atas pelajar Kelantan telah membawa bahasa dialek kepada Bahasa Melayu baku iaitu kata gandaan anak-anak sepatutnya ditambahkan dengan "patung" untuk memberi makna yang lebih jelas tetapi kerana terpengaruh dengan dialek Kelantan perkataan "anak-anak yang dibeli" telah memberi makna kepada pelajar tersebut "anak-anak patung" atau "alat permainan". Begitu juga dengan contoh ayat 2, gandaan "tidur-tidur" dalam konteks ayat tersebut mengikut fahaman dialek Kelantan bermakna anak-anak Encik Halim semuanya suka tidur sedangkan dalam konteks Bahasa Melayu baku ayat itu menjadi silap kerana ia menunjukkan ayat tergantung. Kedua-dua contoh ayat di atas jelas memperlihatkan pengaruh dialek Kelantan mempengaruhi gaya penulisan pelajar-pelajar yang berasal daripada Kelantan dalam penulisan Bahasa Melayu baku.

Selain kesilapan berpunca daripada bahasa dialek, faktor keturunan juga boleh menyebabkan kesilapan berlaku. Ringkasan kesilapan mengikut keturunan boleh dirujuk kepada Jadual 28 di bawah :

JADUAL 28. RINGKASAN KESILAPAN MENGIKUT KETURUNAN

Keturunan	JENIS KESILAPAN MORFOLOGI					JUM. PERATUS	
	morfem	kata	imbuhan	gandaan	akronim		
Melayu	140	72	14	7	7	240	61.7
Melanau	100	29	20	0	0	149	38.3
JUMLAH	240	101	34	7	7	389	100

Berdasarkan kepada jadual di atas.

Keseluruhan kesilapan yang dilakukan oleh pelajar ialah 389 dengan pecahan 240 kesilapan pelajar Melayu dan 149 pelajar keturunan Melanau. Keseluruhan kesilapan bahagian banyak dilakukan oleh keturunan Melayu kecuali bahagian imbuhan. Rumusan yang dapat dilakukan oleh pengkaji ialah punca utama kesilapan keturunan Melayu kerana pertama memang tidak dapat dinafikan kerana bilangan pelajar keturunan Melayu menjadi sampel adalah lebih ramai daripada keturunan Melanau iaitu 34 orang berbanding dengan 16 orang tetapi sikap pelajar keturunan Melayu yang mengambil mudah Bahasa Melayu kerana ianya merupakan bahasa ibundanya. Sikap mengambil mudah ini telah menyebabkan kesilapan berlaku. Pelajar keturunan Melanau lebih berhati-hati belajar Bahasa Melayu kerana bahasa ini merupakan bahasa kedua bagi mereka. Sikap yang berhati-hati ini telah menyebabkan kesilapan kurang semasa menjawab soalan. Kenyataan ini disokong oleh

pengkaji melalui soalan maklumat dengan tenaga pengajar yang mengakui bahawa pelajar-pelajar berasal daripada Sarawak lebih suka bertanya dan lebih aktif dalam mempelajari Bahasa Melayu barbanding dengan pelajar keturunan Melayu.

4.7.4 KESILÄPAN BERPUNCA DARIPADA PEMENDEKKAN PERKATAAN DAN KESILÄPAN IMBUHAN.

Kesilapan tatabahasa ini berpunca daripada ingin cepat dalam penulisan. Ianya terjadi kepada bahagian D iaitu kata gandaan diringkaskan semasa analisis dilakukan dengan memendekkan "yang" menjadi "ya". Pemendekkan ini telah menyebabkan berlaku kesilapan dalam tatabahasa Melayu. Contohnya :

Anak-anak Pak Said berjaya di dalam semua peperiksaan yg diduduki.

Dalam contoh ayat di atas pemendekkan "yang" telah menyebabkan ayat itu salah tatabahasanya walaupun dari segi semantiknya ayat itu betul.

Kesilapan imbuhan pula disebabkan oleh pelajar terkeliru dalam penggunaan imbuhan "di". Dapatan daripada analisis data imbuhan "di" telah disalahgunakan oleh pelajar. Contohnya :

Dia selalu duduk dikerusi sambil membaca surat khabar sementara menunggu anak-anaknya untuk makan malam bersama.

*

Imbuhan "di" dalam konteks ayat di atas jelas memberi semantiknya tetapi ianya menjadi salah kerana pelajar telah menghubungkan perkataan dikerusi sedangkan dalam hukum Bahasa Melayu imbuhan "di" bila bertemu dengan kata kerja sahaia boleh didekatkan.

4.7.5 PELAJAR SALAH MENGINTERPRETASIKAN DAN HENGINGATI ISI PELAJARAN.

Faktor ini kerap berlaku kepada pelajar bagi semua bahagian. Pelajar sering membuat interpretasi yang salah terhadap apa yang dikemukakan kepadanya, contohnya kesilapan yang berlaku dibahagian E iaitu akronim. Pelajar telah mendemukakan PBB dengan perkataan penuhnya "Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu". Kesilapan membuat interpretasi telah berlaku kepada pelajar antaranya "Persatuan" dengan "Pertubuhan".

Begitu juga dengan PERNAS, pelajar telah mengemukakan jawapan dengan "Lembaga Padi Dan Beras Negara". Dalam konteks ini pelajar telah salah membuat interpretasi antara PERNAS dengan LPN.

Mengingati isi pelajaran juga boleh menyebabkan pelajar melakukan kesilapan. Boleh dirumuskan bahawa semua kesilapan berlaku banyak berpunca daripada pelajar gagal mengingati pelajaran yang telah dikemukakan kepada mereka. Bukti dengan kenyataan ini ialah, sebelum sesuatu latihan ujian dikemukakan pengkaji terlebih dahulu membuat penelitian terhadap sukanan pelajaran yang ditawarkan. Berdasarkan kepada penelitian soalan telah dirangka dengan harapan pelajar dapat menjawab kesemuanya dengan tepat. Bahagian yang paling ketara pelajar gagal ialah bahagian A dan bahagian B. Pelajar gagal mengingati morfem terikat dan morfem bebas serta bahagian B ialah pengelasan kata.

4.7.6 LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

Kajian ini memperlihatkan dengan jelas perbandingan antara latar belakang pendidikan pelajar. Terdapat 2 latar pendidikan di kalangan pelajar iaitu:

- i) Aliran Melayu
- ii) Aliran Arab

Dapatan melalui analisis data soalan soal selidik mendapati bahawa terdapat 16 pelajar (32 %) mempunyai latar belakang pendidikan aliran Melayu dan selebihnya iaitu 34 pelajar (68 %) aliran Arab. Bagi mengelakkkan kekeliruan, maksud aliran Melayu di sini ialah sekolah Arab yang menggunakan Bahasa Melayu kecuali mata pelajaran yang berkaitan dengan Bahasa Arab maka Bahasa Arab digunakan. Ringkasan latar belakang pendidikan pelajar dapat dirujuk dalam Jadual 29 di bawah :

JADUAL 29. RINGKASAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN PELAJAR.

SEKOLAH	SAMPEL		JUMLAH	PERATUS
	L	P		
Aliran Melayu	8	8	16	32
Aliran Arab	17	17	34	68

Melalui data yang dikumpulkan, pengkaji dapat membuat rumusan bahawa faktor latar belakang pendidik ada mempunyai pengaruh terhadap kesilapan morfologi. Keseluruhan pelajar aliran bahasa Arab banyak melakukan kesilapan berbanding dengan pelajar aliran Melayu tetapi berlaku perbezaan dari segi penguasaannya antara pelajar aliran Melayu dengan pelajar aliran Arab. Penegasan di sini walaupun pelajar aliran Arab banyak melakukan kesilapan berbanding dengan pelajar aliran Melayu tetapi

keseluruhan pelajar lulus dan boleh menasai bahasa Melayu.

4.8 FAKTOR PERSEKITARAN.

Faktor-faktor lain yang mempengaruhi penquasaan pelajar dalam morfologi diambil kira ialah latar belakang pelajar yang terangkum minat, bahasa pertuturan harian, peningkatan kendiri, jantina dan keturunan. Faktor ini dirumuskan melalui soal selidik pelajar.

4.8.1 LATAR BELAKANG PELAJAR

Faktor latar belakang pelajar telah diambil kira dalam kajian ini untuk menentukan penquasaan pelajar dalam morfologi di Pra-AIUM. Pengkaji telah membahagikan latar belakang pelajar kepada:

- a) minat pelajar terhadap bahasa Melayu
- b) penggunaan bahasa di rumah
- c) peningkatan kendiri pelajar

- i) berlatih sendiri
- ii) bertutur mengikut bacaan berita dan televisyen
- iii) latihan pidato, syarahan dan perbahasan

Mengikut kamus dewan edisi baru (1993 m.s 828,) perkataan minat bermaksud "keinginan (kesukaan, kecenderungan) kepada sesuatu". Pengertian di sini tepat untuk dibincangkan kerana faktor minat merupakan perkara asas dalam mempengaruhi pelajar menguasai bahasa Melayu. Pendapat Abdullah Hassan (1993) pula faktor minat ini dikaitkan dengan motif seseorang belajar bahasa. Melalui motif dan minat seseorang akhir berjaya menguasai apa yang dipelajarinya. Beliau memberi contoh kita belajar bahasa Melayu kerana bermotifkan bahawa bahasa itu merupakan bahasa nasional dan juga untuk memegang berbagai-bagai jawatan yang memerlukan penguasaan bahasa Melayu dan untuk motif ini maka minat perlu ditanam untuk mempelajari bahasa Melayu.

Dapatan daripada soal selidik pelajar,dapat dilihat dalam jadual 21 (rujuk m/s 76). Bertepatan dengan pandangan Abdullah Hassan (1993) dan melalui soal maklumat tenaga pengajar di Pra-AIUM, penulis dapat membuat kesimpulan bahawa pelajar-pelajar memang berminat mempelajari bahasa Melayu dengan motif atau tujuan :

- 1) menguasai bahasa Melayu untuk memenuhi syarat persijilan seperti dalam bab 2 dibicarakan syarat untuk lulus Pra-AIUM ialah mesti lulus dalam bahasa Melayu.
- 2) mempelbagaikan penguasaan bahasa kerana selain daripada bahasa Arab pelajar juga mahu menguasai bahasa Melayu untuk digunakan dalam percakapan seharian dan pembacaan.
- 3) memenuhi keperluan pendidikan khususnya menjadi syarat utama dalam perlawatan kerajaan kerana bahasa Melayu merupakan bahasa nasional.

Penerangan di atas jelas memperlihat hubungan antara minat dan tujuan dalam mempelajari bahasa Melayu. Pandangan Abdullah Hassan (1993) telah disokong oleh kajian barat. Mengikut Halliday yang dipetik daripada buku "Perkaedahan Pengajaran bahasa Malaysia (1990), berkata

" Kanak-kanak menquasai bahasa kerana mereka mempunyai keperluan untuk berinteraksi dengan ahli masyarakat dalam persekitaran mereka. Pada peringkat awal keperluan untuk berinteraksi dengan masyarakat adalah untuk memenuhi keperluan asasi mereka".

Pada pendapat Halliday di atas jelas memperlihatkan bahawa pembelajaran bahasa itu kerana ada tujuan atau kepentingan kepada individu itu sendiri. Berdasarkan keputusan analisis Jadual 21, jelas memperlihatkan minat pelajar belajar Bahasa Melayu di Pra-AIUM dan kalaupun dihubungkan dengan Jadual 14 (rujuk m/s 67) iaitu jumlah kesilapan individu menunjukkan pelajar-pelajar dapat menguasai morfologi dengan baik kerana semua sampel lulus dalam latihan ujian.

4.8.3 PENGGUNAAN BAHASA PERTUTURAN DI RUMAH

Bahasa pertuturan di rumah atau harian boleh mempengaruhi bahasa seseorang individu. Dapat dilihat melalui kajian soal selidik penggunaan bahasa pertuturan di rumah boleh dirujuk dalam Jadual 22 (rujuk m/s 78). Pengkaji membahagikan bahasa pertuturan di rumah kepada 2 jenis iaitu :

- a) bahasa standard
- b) bahasa tidak standard

Bahasa standard merujuk kepada kriteria Bahasa Melayu standard manakala bahasa tidak standard merujuk kepada bahasa-bahasa dialek atau dengan kata lain bahasa selain daripada bahasa standard (seperti dialek Kelantan, Kedah dan Melanau Sarawak). Dalam Jadual 22 analisis data menunjukkan bahawa seramai 12 orang pelajar (24 %) bertutur dengan menggunakan bahasa standard berbanding dengan 38 orang pelajar (76 %) bertutur dengan bahasa tidak standard. Kajian ini telas memperlihatkan bahawa faktor bahasa pertuturan di rumah atau harian tidak begitu ketara mempengaruhi penguasaan morfologi. Walaupun ramai pelajar bertutur bahasa tidak standard tetapi dari segi penguasaan morfologi pelajar-pelajar masih dapat

menjawab dan lulus soalan ujian. Jika ditinjau dari segi jumlah kesilapan individu dalam morfologi jelas memperlihatkan bahawa pelajar-pelajar daripada Sarawak yang mempunyai bahasa pertuturan dialek Melanau paling tinggi kesilapan.

Pandangan pengkaji, faktor bahasa pertuturan tidak begitu mempengaruhi morfologi kerana berdasarkan data kajian hanya sebilangan kecil sahaja yang melakukan kesilapan. Faktor bahasa pertuturan sebenarnya menjadi penghalang kepada penguasaan Bahasa Melayu itu sendiri yang terdiri daripada komponen-komponan penting bahasa. Kenyataan ini disokong oleh Corder (1972) yang mengatakan bahawa kesilapan berbahasa berlaku berpuncu salah satu faktornya ialah "Dialek idiosinkratik". Maksud dialek idiosinkratik menurut Corder (1972) ialah dialek khusus oleh seorang penutur pada seorang penutur dan ia ada beberapa peringkat iaitu :

a) bayi hendak kuasai bahasa ibunda iaitu

'pelat'

b) pertuturan orang gagap

c) berlaku kepada orang dewasa yang ingin menquasai bahasa kedua atau asing

d) bahasa seorang sasterawan

Kajian Corder di atas lebih menumpukan kepada kesilapan berbahasa dalam pertuturan dan beliau telah membuat andaian bahawa kesilapan dalam pertuturan akan membawa kesilapan dalam penulisan. Kajian Corder (1972) khususnya merujuk kepada kesilapan umum berbahasa dan tidak khusus kepada kesilapan morfologi. Di sini pengkaji dapat simpulkan bahawa faktor dialek tidak mempengaruhi secara sepenuhnya penguasaan morfologi, sebaliknya ia berlaku kesilapan kepada komponan-komponan lain seperti fonologi dan sintaksis yang boleh menyebabkan kesilapan berbahasa berlaku. Ini terbukti dalam analisis data yang menunjukkan bahawa walaupun ramai pelajar bertutur dalam bahasa tidak standard tetapi mereka masih dapat menguasai morfologi.

4.8.4 PENINGKATAN KENDIRI PELAJAR

Peningkatan kendiri pelajar merujuk kepada usaha-usaha yang dilakukan oleh pelajar dan tenaga pengajarannya untuk meningkatkan lagi penguasaan bahasa terutama dalam pemilihan kata. Sebanyak 3 soalan telah dikemukakan kepada pelajar dan analisis data dapat dirujuk kepada Jadual 23 (rujuk m/s 79), sejumlah 36 orang pelajar tidak berusaha meningkatkan penguasaan bahasa mereka berbanding dengan 14 orang berlatih.

Perhubungan soalan ini dengan soalan latihan jelas menunjukkan bahawa pelajar-pelajar yang banyak membuat latihan persendirian mempunyai pencapaian yang lebih tinggi berbanding pelajar-pelajar yang tidak berlatih sendiri.

Soalan kedua pula ditanya mengenai adakah pelajar selalu bertutur mengikut bacaan berita radio dan televiyen. Dapatan daripada Jadual 23, hanya 11 orang pelajar berlatih bertutur mengikut bacaan radio dan televisyen berbanding dengan 39 orang pelajar yang memberi jawapan tidak. Berdasarkan jawapan pelajar ini dapat dibuat kesimpulan bahawa berlaku pertentangan dengan sukanan pelajaran dalam bab 2. Bagi mendapat kepastian soal maklumat didapati daripada tenaga pengajar memperlihatkan bahawa sememangnya ada latihan pidato, syarahan dan perbahasan diberikan seperti dalam soalan ketiga. Latihan telah diberikan kepada pelajar-pelajar yang telah memilih pidato, perbahasan dan syarahan sebagai landasan untuk diuti dalam pemarkahan. Teknik dan cara didedahkan kepada semua pelajar tetapi yang berpeluang bertutur hanyalah kepada mereka yang memilih pidato, syarahan dan perbahasan sahaja untuk pengujian. Salah satu faktor yang digunakan untuk meningkatkan dalam pertuturan pelajar khususnya kelancaran dan pemilihan kata, pelajar diarah bertutur mengikut bacaan berita radio

dan televisyen. Perkaitan dengan dapatan soal selidik memang benarlah bahawa hanya 11 orang pelajar yang memberi jawapan 'ya' itu boleh pengkaji golongkan bahawa mereka telah memilih untuk pemarkahan dalam pidato, perbahasan dan syarahan. Begitu juga dengan jawapan 'ya' untuk soalan ketiga seramai 21 orang pelajar telah diberi latihan dalam pidato, syarahan dan perbahasan.

Perhubungan soalan 2 dan 3 dengan morfologi dapat pengkaji buktikan dalam beberapa pemerhatian semasa dalam kelas bahasa Melayu dan semasa ujian lisan dijalankan. Kesimpulan yang dapat pengkaji lakukan ialah memang telas memperlihatkan pelajar semasa perbahasan, pidato dan syarahan serta ujian lisan menggunakan bahasa dengan lancar. Penggunaan bahasa lancar dan bersesuaian dengan konteks bacaan berita radio dan pidato. Penguasaan dalam pertuturan lisan ini telah memberi kesan kepada penguasaan dalam penulisan. Sebab itulah soalan ujian berkaitan dengan morfologi pelajar dapat menjawab dengan baik dan kesemuanya lulus.

4.9

**MASALAH-MASALAH LAIN YANG BOLEH
MENYEBABKAN KESILAPAN BERLAKU.**

Setelah mengetahui punca-punca atau faktor-faktor yang menyebabkan kesilapan berlaku, pengkaji telah menganalisis pula masalah-masalah lain yang dihadapi oleh pelajar dalam menuasai morfologi dan amnya penguasaan Bahasa Melayu. Data-data yang dikumpul melalui soal selidik telah dianalisis seperti yang terdapat pada Rajah 30 di bawah :

RAJAH 30. RINGKASAN PELAJAR-PELAJAR MENGHADAPI MASALAH DALAM MENGUASAI BAHASA MELAYU.

REAKSI JANTINA	YA	TIDAK	PERATUS	
			YA	TIDAK
Lelaki	23	2	92%	8%
Perempuan	21	4	84%	16%

Berdasarkan kepada Jadual di atas analisis data menunjukkan bahawa 44 orang pelajar (88 %) mempunyai masalah dan cuma 6 orang pelajar (12 %) tidak mempunyai masalah untuk menguasai Bahasa Melayu. Pecahan mengikut jantina pula ialah daripada 25 orang sampel lelaki 92 % daripadanya mempunyai masalah berbanding dengan 8 % tidak mempunyai masalah. Pelajar perempuan pula 84 % mempunyai masalah berbanding dengan 16 % tidak bermasalah.

Antara masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar yang dapat dianalisis oleh pengkaji dapat dirujuk kepada Jadual 31 :

JADUAL 31. MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI OLEH PELAJAR

BIL.	MASALAH PELAJAR	BIL PELAJAR
1.	Terikat dengan bahasa daerah	11
2.	Tidak mempraktik dalam penggunaan harian	9
3.	Pelajaran semakin mendalam semakin sukar	2
4.	Bahasa Melayu tidak semudah dijangkakan	3
5.	Terlalu banyak cabang bahasa yang perlu dipelajari	9
6.	Kurang jelas dan keliru dengan topik yang dipelajari	4
7.	Kurang membaca bahan-bahan penulisan Bahasa Melayu	11
8.	Kurang latihan amali contohnya mengarang	5
9.	Sistem pembelajaran kurang berkesan	4
10.	Kurang faham makna tersirat dalam bidang kesusastraan	3
11.	Kurang berusaha untuk meningkatkan bahasa	3
12.	Susah meninggati jenis-jenis kelas kata	2
13.	Lemah dalam sistem pengejaan Bahasa Melayu	2
14.	Terlalu banyak menerima pengaruh Bahasa Inggeris	3
15.	Lemah dalam mengeluarkan idea secara spontan	3
16.	Banyak perkataan seerti yang boleh menyebabkan keliru	1
17.	Sukar membezakan ayat	1
18.	Aliran Bahasa Arab lebih dominan daripada Bahasa Melayu	3
19.	Perbendaharaan kata tidak begitu mendalam	7
20.	Tidak ada pendedahan Bahasa Melayu sebelum ini	8
21.	Bahasa Melayu buka bahasa ibunda, sukar dikuasai	3
22.	Lemah dalam tatabahasa	6
23.	Lemah dalam pemilihan perkataan dalam membina ayat terbaik	3

Berdasarkan kepada Jadual 31 di atas terdapat 23 jenis masalah yang dihadapi oleh pelajar yang menjadi halangan kepada mereka untuk menquasai Bahasa Melayu. Kebanyakkan masalah pelajar ini berlaku secara "tumpang tindih", iaitu setiap pelajar majoritinya menghadapi 2 atau 3 masalah. Masalah yang paling menonjol sekali ialah "masalah terikat dengan bahasa daerah" dan "kurang membaca bahan-bahan penulisan Bahasa Melayu". Kedua-dua masalah ini mempunyai bilangan sebanyak 11 kali. Selain daripada itu masalah-masalah kedua tertinggi ialah :

- i) terlalu banyak cabang bahasa yang harus dipelajari 9 kali
- ii) tidak mempraktikkan dalam penggunaan harian 9 kali

4.10 RUMUSAN

Kajian ini bermula dengan penelitian yang dilakukan terhadap sukatan pelajaran Bahasa Melayu yang ditawarkan di Pra-AIUM. Dapatan daripada penelitian sukatan pelajaran oleh pengkaji menunjukkan kekuatan atau penekanan yang diberi dalam pengajaran ialah morfologi. Keseluruhan pelajar dapat menjawab semua soalan yang dikemukakan dengan baik dan semua pelajar lulus dalam latihan ujian. Kajian ini menampakkan bahawa penguasaan morfologi di kalangan pelajar Pra-AIUM sangatlah memuaskan. Kelima-lima bahagian yang dikemukakan kepada pelajar memberi maklum balas kepada pengkaji bahawa bahagian-bahagian morfologi yang menjadi kekuatan kepada pelajar ialah bahagian C, D dan E. Bahagian C menunjukkan penguasaan imbuhan dengan 34 kesilapan yang melibatkan 17 orang pelajar daripada 50 orang sampel. Bahagian D dan E pula hanya berlaku 7 kesilapan masing-masing dengan melibatkan 4 orang pelajar untuk kata gandaan dan juga 4 orang pelajar untuk akronim. Kelemahan pelajar agak ketara dalam bahagian A dan B. Bahagian A memperlihatkan bahawa pelajar terkeliru untuk membezakan morfem bebas dan morfem terikat. Keputusan analisis data menunjukkan bahawa pelajar telah melakukan kesilapan morfem sebanyak 240 kesilapan manakala keputusan analisis bahagian B pula merujuk

kepada pelajar yang masih belum menguasai sepenuhnya pengelasan kata. Jumlah kesilapan yang dilakukan oleh pelajar ialah sebanyak 101 kesilapan. Penegasan di sini walaupun penquasaan pelajar dalam morfem dan kelas kata agak lemah tetapi keseluruhan pelajar masih lulus. Setelah mengetahui di manakah kelemahan dan kekuatan pelajar dalam menguasai morfologi, pengkaji mencuba membuat hubung kait antara soalan latihan ujian dengan soal selidik.

Melalui soalan soal selidik pengkaji ingin mengetahui sama ada pelajar memahami cabang-cabang linguistik. Lebih daripada separuh pelajar memberi jawapan tidak memahami. Rumusan secara amnya pengkaji dapat simpulkan bahawa pelajar tidak diberi pendedahan cabang-cabang penting dalam linguistik. Bila ditanya bahawa morfologi merupakan salah satu cabang linguistik ? Pelajar keseluruhan memberi jawapan "ya", ini menunjukkan bahawa pelajar tahu bahawa morfologi ialah cabang linguistik tetapi kurang tahu cabang-cabannya yang lain. Pelajar-pelajar telah didedahkan dengan jenis-jenis morfem melalui sukanan pelajaran dan mereka tahu bahawa morfem terdiri daripada morfem bebas dan morfem terikat. Ini ditunjukkan dalam jawapan yang ditanya mengenai morfem bebas dan morfem terikat. Rumusan yang dapat dilakukan oleh pengkaji antara analisis soalan latihan dengan

soalan soal selidik memperlihatkan bahawa walaupun pelajar mengetahui morfem ada bebas dan terikat tetapi pelajar kurang menguasai contoh-contohnya. Ini bersesuaian dengan banyak kesilapan yang dilakukan untuk soalan morfem.

Beditu juga dengan membezakan kelas kata. Lebih daripada separuh pelajar iaitu 32 orang melakukan kesilapan. Bahagian ini merupakan bahagian yang kedua tertinggi pelajar melakukan kesilapan dan kelemahan pelajar terletak pada "kata depan" dengan 21 kali kesilapan. Kedua tertinggi pelajar banyak melakukan kesilapan ialah kata partikal dengan 20 kali kesilapan. Jumlah keseluruhan kesilapan bahagian ini ialah 101 kali. Kelemahan pelajar dalam membezakan kelas kata ini diperkuuhkan lagi dengan soal selidik seramai 38 pelajar iaitu 72 % memberi maklum balas bahawa mereka mudah terkeliru dalam membezakan kelas kata.

Kekuatan pelajar dalam menguasai morfologi dapat pengkaji rumuskan berdasarkan kepada Jadual 14 (rujuk m/s 67) iaitu jumlah kesilapan individu. Sekali lagi ditegaskan bahawa hanya seorang pelajar yang melakukan kesilapan. 16 - 20 iaitu 2 % dan yang paling tinggi bilangan melakukan kesilapan 1 - 5 kali ialah 22 orang dengan kiraan peratus 44 %. Peratus ini

memberi pengesahan bahawa pelajar telah dapat menguasai keseluruhan morfolodi.

Dari segi jantina pula, dapatan daripada analisis data yang dapat pengkaji simpulkan ialah kesilapan yang dilakukan oleh pelajar lelaki mengatasi perempuan. Jumlah kesilapan keseluruhan 50 sampel ialah 389 kali dengan pecahan sebanyak 226 kali pelajar lelaki melakukan kesilapan berbanding 163 kali kesilapan pelajar perempuan. Keputusan keseluruhan dapat dirujuk kepada Jadual 32 di bawah :

JADUAL 32. KESILAPAN MENGIKUT JANTINA BAHAGIAN-BAHAGIAN MORFOLOGI

JANTINA	JENIS KESILAPAN MORFOLOGI					PERATUS
	A	B	C	D	E	
Lelaki	113	72	28	2	1	226
Perempuan	127	29	6	5	6	163
JUMLAH	240	101	34	7	7	389
						100

Berdasarkan kepada jadual di atas, terdapat tiga bahagian iaitu A (morfem), D (kata gandaan) dan E (akronim) pelajar perempuan melakukahn kesilapan lebih tinggi daripada lelaki. Julat perbezaan kesilapan antara lelaki dan perempuan tidaklah tinggi menyebabkan jumlah kesilapan masih rendah berbanding dengan lelaki. Walaupun pelajar

perempuan 3 bahagian (A, D dan E) mengatasi lelaki dalam jumlah kesilapan. Pecahan kesilapan bahagian-bahagian ini memberi rumusan bahawa menaikut jantina kekuatan morfologi pelajar seperti berikut :

- i) kekuatan pelajar lelaki terletak pada akronim, morfem dan kata gandaan.
- ii) Kekuatan pelajar perempuan terletak pada pengelasan kata dan imbuhan.

Akhir sekali penkaji dapat membuat rumusan tentang faktor-faktor penyebab atau punca-punca yang boleh menyebabkan berlakunya kesilapan kepada pelajar dalam menquasai morfologi ialah :

- i) pelajar belum menquasai morfologi dengan sepenuhnya.
- ii) pelajar tidak menerima sedala isi pelajaran yang didedahkan kepadanya.
- iii) pengaruh bahasa dialek dan keturunan.
- iv) kesilapan berpunca daripada pemendekkan perkataan dan kesilapan imbuhan.

- v) pelajar salah menginterpretasikan dan mengingati isi pelajaran.
- vi) latar belakang pendidikan.
- vii) masalah-masalah lain. (rujuk Jadual 31)

4.11 CADANGAN

Kajian ini merupakan satu kajian untuk melihat penguasaan morfologi di kalangan pelajar-pelajar di Pra-AIUM. Data-data yang diperoleh dapat memberi gambaran yang menyeluruh tentang kekuatan dan kelemahan pelajar dalam penguasaan morfologi. Di samping mencari kelemahan dan kekuatan pelajar, pengkaji juga telah membuat analisis kesilapan berlaku dan seterusnya mengemukakan punca-punca yang menyebabkan kesilapan berlaku. Berikut cadangan-cadangan pengkaji untuk dijadikan panduan bagi meningkatkan lagi penguasaan morfologi dan seterusnya penguasaan bahasa Melayu di kalangan pelajar Pra-AIUM.

i) KEKURANGAN BAHAN RUJURAN

Di kesempatan ini, pengkaji ingin memberi cadangan berkenaan dengan kekuatan dan kelemahan sukanan pelajaran dengan bantuan data-data yang telah dianalisa dalam bab-bab terdahulu. Cadangan pertama pengkaji ingin kemukakan adalah berlandaskan kepada apa yang didapati melalui data soal selidik seperti yang tertera pada Jadual 31 (rujuk m/s 132). Perkara yang menjadi daya tarikan kepada pengkaji ialah tentang "masalah-masalah kurang membaca bahan-bahan penulisan Bahasa Melayu dan kurang berusaha untuk meningkatkan Bahasa Melayu". Memang diakui apa yang diperkatakan oleh pelajar bahawa kurang membaca itu sebenarnya berpunca daripada kekurangan buku-buku ilmiah Bahasa Melayu di Pra-AIUM. Ini terbukti dengan tinjauan pengkaji di Perpustakaan Utama Pra-AIUM berlaku kekurangan bahan rujukan, ini boleh menyebabkan berlaku kemerosotan pelajar dalam menquasai Bahasa Melayu.

Masalah kekurangan buku rujukan ini telah banyak diperkatakan, contohnya kajian Datuk Musa Muhammad di perpustakaan USM hanya 10 % sahaja mempunyai buku dalam bahasa Melayu, kajian yang dilakukan oleh Azizah Mokhzani Laurent Metzger juga mendapati di perpustakaan-perpustakaan di pusat pengajian tinggi adalah kurang daripada 20 % dalam bahasa Melayu. Bagi membuktikan pentingnya bilangan buku dalam bahasa Melayu ditambah, pengkaji memetik ucapan Perdana Menteri semasa melancarkan "Cintai Bahasa Kita" pada 11 Disember 1987 berbunyi,

"Apakah faedahnya jika kita hanya peka terhadap bahasa Melayu sahaja sedangkan kita tidak sensitif pun terhadap kekurangan buku dalam bahasa Malaysia, padahal adalah senjata utama perjuangan bahasa. Perkembangan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu banyak bergantung kepada penghasilan karya ilmu dalam bahasa Melayu, baik yang berupa karya asli dalam bahasa Melayu mahupun karya terjemahan".

(Dewan Budaya, Disember 1987)

Petikan ucapan Perdana Menteri itu jelas membuktikan bahawa buku-buku dalam bahasa Melayu hendaklah ditambah bagi mentamkin pertuangan bahasa Melayu terus kekal kepada generasi akan datang.

ii) PROGRAM MINGGU BAHASA MELAYU

Pelajar-pelajar gagal menquasai bahasa Melayu disebabkan oleh berbagai-bagai alasan, antaranya ialah mengandung bahasa Melayu merupakan bahasa yang mudah. Perbendaharaan kata tidak begitu banyak dalam diri. Tidak ada pendedahan bahasa Melayu sebelum ini dan terlalu banyak cabang-cabang bahasa yang perlu dipelajari. Berdasarkan kepada kenyataan di atas pengkaji mengesyorkan kepada tenaga pengajar agar menganjurkan berbagai aktiviti-aktiviti untuk mendedahkan dan meningkatkan Bahasa Melayu di PRATUM. Di antara langkah-langkah yang boleh diambil ialah mengadakan minggu Bahasa Melayu. Pengisian minggu ini bolehlah diadakan ceramah-ceramah pendedahan bahasa Melayu kepada pelajar, menganjurkan pertandingan-pertandingan yang lebih mendominasikan bahasa Melayu dan yang paling penting sekali ialah mengadakan "sistem follow-up" perkembangan bahasa Melayu dari masa ke semasa.

(ii) PERMAINAN BAHASA

Selain daripada mengadakan mingau bahasa, tenaga pengajar juga boleh mengadakan aktiviti permainan bahasa dalam kelas. Permainan bahasa memang boleh digunakan untuk memberi latihan atau ulangkaji pengajaran bahasa. Ini bersesuaian dengan pendapat Koh Boh Boon (1990) yang berbunyi,

"Permainan bahasa adalah satu jenis kegiatan pembelajaran bahasa yang amat digemari dan sangat berkesan. Satu permainan bahasa membolehkan pelajar belajar sesuatu dengan 2 sifat semula jadi yang ada pada kanak-kanak iaitu suka bermain dan suka bertanding".

(Koh Boh Boon, 1990 m.s 81)

Kesimpulan kata-kata Koh Boon itu dapat penekaji simpulkan bahawa permainan bahasa itu amat penting dalam meningkatkan penguasaan bahasa terutama dalam perbendaharaan kata dan morfologi.

iv)

LATIH TUBI

Kesilapan pelajar juga berpunca daripada kelemahan pelajar itu sendiri dalam memahami morfologi. Latih tubi perlu dipertindakkan lagi dalam pengajaran, contohnya dapatan dalam kajian memperlihatkan pelajar masih lagi lemah dalam membezakan morfem terikat dan morfem bebas serta imbuhan sisipan. Setelah diketahui punca kesilapan pelajar, maka pemulihan dilakukan untuk menutup kelemahan pelajar dalam morfem dan imbuhan. Melalui analisis kesilapan ini juga tenaga pengajar boleh membuat satu perancangan menyeluruh bagi membaiki kelemahan pelajar. Latih tubi ini amat berkesan terutama latih tubi yang khusus menumpukan kepada kelemahan pelajar seperti :

- a) latihan membezakan morfem bebas dan morfem terikat
- b) latihan membezakan imbuhan dan kelas kata

Dalam konteks pelajaran dan pembelajaran, teori yang sesuai digunakan ialah teori "Pembelajaran Pembentukan Kebiasaan" dikemukakan oleh Bloomfield (1933). Kata-kata Bloomfield yang diperoleh dalam buku Pedagogi Bahasa, Kamarudin Hj. Husin (1990) berbunyi,

" penguasaan satu-satu bahasa bukanlah satu hal pengetahuan. Ianya satu hal latihan".

Latihan di sini bermaksud latihan yang kukuh dan berterusan untuk menjamin mutu penguasaan yang baik dalam bahasa khususnya dalam morfologi.

v) PEMBENTUKKAN SIKAP

Sikap pelajar merupakan satu perkara yang penting dalam menentukan penguasaan bahasa. Pembentukkan sikap ini penting seperti kajian yang dilakukan oleh Nawi Ismail (1995) dalam Jurnal Guru 1995 seperti katanya,

" Sikap pelajar merupakan salah satu aspek yang menentukan pencapaian yang bakal diperolehi dalam bahasa Melayu. Ini disebabkan pelajar yang berdisiplin. lazimnya lebih berpeluang memperolehi pencapaian yang lebih baik berbanding dengan pelajar kurang berdisiplin".

(Jurnal Guru 16 Mei 1995 : 465)

Pihak tenaga pengajar bolehlah memainkan peranan seperti menanam konsep penguasaan berbahasa di kalangan pelajar. Penguasaan berbahasa akan didapati melalui latihan dan pengalaman. Apabila sikap penguasaan bahasa tertanam dalam diri pelajar maka penerapan sikap kemahiran dan kecekapan berbahasa bolehlah dilakukan seperti bertutur, membaca, menulis, menaakul, merumus dan lain-lain. Kesemua penerapan di atas hendaklah dilakukan secara latihan. Masalah sikap belajar sambil lewa hendaklah dibendung daripada awal. Tenaga pengajar hendaklah sentiasa tegas dengan apa yang ditetapkan seperti memastikan setiap pelajar menyempurnakan setiap tugas. Sikap yang sedemikian ini akan memberi rangsangan kepada pelajar kerana penequhan telah dilakukan oleh tenaga pengajar dan pelajar merasai usaha mereka telah dihargai. Dapatkan kajian yang telah membuktikan bahawa terkawalnya sikap khususnya disiplin telah membawakan hasil. Ini ternyata dalam latihan pelajar dalam morfologi telah memberi 100 % kejayaan. Pembentukan sikap ini dicadangkan kerana ianya telah terbukti kejayaannya, maka cadangan ini hendaklah diteruskan untuk mengekalkan keputusan.

Berdasarkan kepada analisis soalan soal selidik ramai calon memberi masalah mereka gagal menquasai bahasa Melayu khususnya cabang-cabang linguistik contohnya morfologi kerana kurang membaca bahan-bahan penulisan dalam bahasa Melayu dan kurang berusaha untuk meningkatkan keupayaan bahasa Melayu. Faktor kurang membaca ini menjadi halangan sebenarnya terhadap penguasaan bahasa Melayu. Ini diakui oleh Prof. Diraja Ungku Aziz, dalam Utusan Melayu, 6 Februari 1992 yang mendatakan, "minat membaca kurang dalam masyarakat kita". Selain daripada itu kajian Nawi bin Ismail, 1992 , 42 - 43, mendapati hanya 21 % daripada 105 orang pelajar di Sekolah Menengah Atas di Kuala Lumpur membaca pada waktu betang. Kekurangan membaca ini akan boleh melemahkan pelajar terutama penguasaan perbendaharaan kata dan penggunaan sintaksis yang baik.

Menyedari akan hal ini pengkaji mencadangkan agar diadakan kempen minat membaca . Tanamkan minat dan yakinkan pelajar betapa pentingnya bahan bacaan seperti Majalah Dewan Siswa, Dewan Bahasa, Dewan Masyarakat dan Jurnal Dewan Bahasa perlu dibaca oleh pelajar untuk memperkayakan perbendaharaan

kata dan seterusnya boleh menguasai bahasa Melayu. Menaikut (Nawi bin Ismail 1995 : 466) terdapat 5 kepentingan mengapa majalah perlu dibaca iaitu :

- i) pemakaian bahasanya terpelihara
- ii) terdapat rencana terpilih untuk isu terkini
- iii) terdapat pelbagai rencana khususnya untuk pelajar mengasah bakat dalam bidang penulisan seperti ruangan cetusan pendapat, cerpen, puisi dan lain-lain.
- iv) boleh digunakan sebagai bahan P dan P
- v) boleh didapati dengan harga yang murah.


Pembacaan bahan-bahan bacaan di atas dapat meningkatkan minda pelajar, mengayakan perbendaharaan pelajar dan secara tidak langsung akan mengisi ruang rehat pelajar dengan bahan-bahan bacaan.

vii) MENINGKATKAN KEBERKESANAN KULIAH

Kelulusan yang tinggi tidak menjamin menyampaikan isi pelajaran semasa kuliah. Bagi memberi keberkesanan proses pengajaran terutama semasa memberi kuliah seseorang pensyarah itu mesti dari masa ke semasa mempelajari serta mengembangkan kaedah baru yang boleh menjadikan pengajarannya lebih efektif.

Mengikut pandangan Suradi Salim dalam matalah Masalah Pendidikan 1989, proses pendidikan berlaku berdasarkan Rajah 4 di bawah :

Rajah 4 : Proses Pembelajaran



proses pembelajaran terdiri daripada 3 perkara pokok yang saling melengkapi dan saling tumpang tindih. Keberkesanan kuliuh seseorang dalam mencapai objektif mesejnya bergantung kepada 3 perkara ini. Beliau seterusnya telah menerangkan maksud ketiga-tiga "APA", "BAGAIMANA" dan "KEPADA SIAPA". Seperti Rajah 4.

APA ----- Merujuk kepada isi pelajaran yang hendak dikuliahkan. Pengajaran tidak akan berlaku sekiranya pensyarah ini tidak mempunyai isi apa yang hendak disampaikan. Pengetahuan yang luas mengenai perkara yang hendak disampaikan menjadi syarat utama pengajaran yang berkesan.

BAGAIMANA ---- Pensyarah tidak dapat menyampaikan kuliah dengan baik sekiranya beliau tidak tahu bagaimana hendak sampaikan. Pensyarah perlu tahu teknik dan keadaan yang sesuai digunakan untuk membolehkan pelajar memahami apa yang diajar.

KEPADA SIAPA ----- Merujuk kepada siapa kuliah itu hendak disampaikan. Pensyarah perlu ambil kira kesesuaian pelajar, seperti latar belakang, pengetahuan, kebolehan, peringkat umur, kecerdasan dan pengalaman pelajar untuk memberi kesan pembelajaran yang baik. Pelajaran akan menjadi sia-sia sekiranya pelajar tidak memahami dan menghayati kuliah yang diberi.

Kajian yang telah dijalankan oleh (Brown, 1978), mendapati bahawa kuliah adalah satu cara pengajaran yang ekonomikal dan berkesan, yang telah digunakan sejak lebih kurang 2500 tahun yang lepas. Di antara keuntungan kaedah kuliah ialah ia membolehkan pelajar belajar dari orang yang pakar

dalam disiplinnya berbanding kaedah lain. Pengetahuan yang mendalam dalam suatu bidang penekhususan akan membolehkan pensyarah menyediakan isi kandungan kuliah dengan berkesan. Berdasarkan perhatian pengkaji ciri-ciri kuliah yang dijalankan di Pra-AJUM pada keseluruhan adalah baik walau bagaimapun untuk memperkemaskan lagi dalam pemberian kuliah. Suradi Salim (1989) telah mengemukakan 9 kemahiran yang perlu dikuasai oleh pensyarah iaitu :

- a) kemahiran menerangkan - memberikan kefahaman, memberikan contoh-contoh dan ilustrasi hurai.
- b) kemahiran memperkenalkan - memulakan sesuatu kuliah, memperkenalkan suatu topik atau tema.
- c) kemahiran merumuskan - merumuskan tema dan menaungkan topik dan tema.
- d) kemahiran merancakkan atau menahidupkan, membangkitkan minat dan kedairahan, menghidupkan dan mengekalkan perhatian.
- e) kemahiran menggunakan alat pandang - dengar seperti penggunaan berkesan papan hitam, alat tayang lut sinar, slaid dan model.

- f) kemahiran mempelbagaikan aktiviti pelajar.
- g) kemahiran memberi arahan - menunjukkan cara-cara menjalani prosedur atau bagaimana menyokong pelbagai jenis masalah.
- h) kemahiran membandingkan - membandingkan dan membezakan, menunjukkan persamaan dan perbezaan atau menunjukkan kebaikan berbagai-bagai kaedah, pendekatan dan perspektif.
- i) kemahiran menceritakan - membaca petikan dari novel, lakonan, puisi atau sesuatu teks untuk menelaah atau memberi contoh sesuatu sudut pandangan.

MEMPERKENALKAN PENGAJARAN PERBANDINGAN ANTARA BAHASA

Pengajaran perbandingan antara bahasa merupakan salah satu kaedah yang boleh digunakan untuk menelaah pengunaan bahasa dalam menangani kebutuhan pelajar. Berdasarkan sampel kajian yang dilakukan sebelumnya mempunyai latar belakang pendidikan kebangsaannya mempunyai bahasa pengantar adalah bahasa sarb sebagai sebagai bahasa pengantar adalah

baik sekiranya tenaga pengajar bahasa melayu memperkenalkan satu kaedah perbandingan antara bahasa untuk memantapkan lagi penggunaan bahasa. Tenaga pengajar boleh memberi contoh-contoh tertentu seperti pemhentukan ayat. Contohnya dalam bahasa Melayu kebanyakannya ayat-ayat bermula dengan kata nama kemudian diikuti dengan kata-kata lain seperti :

Ali makan nasi.

عَلَى أَكْلِ الْأَنْوَرِ

Ayat di atas memperlihatkan ayat biasa dalam bahasa Melayu (KN + KK + KN). Tenaga pengajar bolehlah menerangkan kepada para pelajar hukum ayat di atas dan membuat perbandingan dengan ayat-ayat bahasa Arab yang memberi kelonggaran hukum yang mana ayat-ayatnya boleh bermula dengan kata kerja dahulu kemudian diikuti dengan kata nama. Contoh :

Makan Ali nasi.

أَكْلُ عَلَى الْأَنْوَرِ

Ayat di atas dalam bahasa Arab betul penggunaannya tetapi dalam bahasa Melayu ayat itu salah dari segi hukumnya. Pengajaran perbandingan antara bahasa dapat memberi kejelasan kepada pelajar tentang hukum dan kesilapan dalam bahasa.

IX. MENANGANI SEGALA KESALAHAN BAHASA

Ia takah menangani segera kesalahan dan kesilapan berbahasa boleh membantu seseorang pelajar menguasai bahasa. Mengikut pendekatan analisis kesilapan tenaga pengajar hendaklah membuat pembetulan kesilapan pelajar dengan sedera dan seterusnya mengemukakan jawapan yang betul serta selok-belok hukumnya yang boleh menyebabkan pelajar melakukan kesilapan bagi mengukuhkan lagi konsep pembetulan, sekali-sekala tenaga pengajar hendaklah tenaga pengajar memandu pelajar merujuk buku-buku tertentu seperti buku Tatabahasa, Dewan, Daftar Ejaan, Kamus Dewan, Kamus Istilah dan lain-lain yang berkaitan dan kemudiannya mendadakan perbincangan.

X. CADANGAN KEPADA PENGKAJI AKAN DATANG

Kajian ini memberi bukti penguasaan morfologi sahaja yang menjadi cabang penting dalam linguistik. Diharap dengan kajian ini akan dapat memberi panduan dan data-data yang diperlukan kepada penakj�i akan datang yang berminat untuk membuat kajian di Pra-AIUM. Dapatan daripada kajian ini juga boleh digunakan oleh pihak Universiti khususnya kepada penambah sukanan pelajaran terutama dalam mengenal pasti kekuatan dan kelemahan sukanan yang ada anakarana.

4.1.2 PEMUTUP

Keseluruhan lima aspek asas berkaitan dengan morfologi dikaji telah memberi dapatan bahawa keseluruhan pelajar-pelajar Pra-AIUM telah dapat memahaminya. Ini berdasarkan kepada keputusan penyelidikan memperlihatkan kesemua 50 sampel telah tulus menjawab soalan latihan ujian yang dikemukakan.

Melalui lima aspek asas morfologi, dapatan dari pada data memperlihatkan bahawa hanya 2 aspek sahaja pelajar kurang menuasainya iaitu morfem dan pengelahan kata, manakala 3 bahagian lagi iaitu imbuhan, kata gandaan dan akronim pelajar-pelajar dapat menguasai dengan baik. Diharap dengan adanya kajian ini akan memberi sedikit panduan kepada para pengajar dan juga para pengubal sukatan pelajaran Bahasa Melayu khususnya di Pra-AIUM untuk memantapkan laju sukatan pelajaran supaya mencakupi sejala cabang-cabang linquistik.

Kajian ini tidak sepenuhnya boleh membuktikan penguasaan bahasa Melayu kerana hanya satu aspek penguasaan iaitu morfologi yang dikaji tetapi walaupun sahaja iaitu morfologi yang dikaji tetapi walaupun demikian bagi anggapan pengkaji, kepincangan dalam menurut aspek penting linquistik seperti fonologi, morfologi, sintaksis dan pragmatis akan membawa kesilapan dan kesalahan dalam menentukan penguasaan Bahasa Melayu. cks